

50,000 sambut Mahathir

Oleh NAZAR ABDUL
Alor Star, Sabtu

LEBIH 50,000 rakyat berbilang kaum membanjiri lapangan terbang Sultan Abdul Halim Kepala Batas dekat sini menyambut ketibaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rombongannya pagi ini.

Pemimpin-pemimpin parti dan masyarakat serta pertubuhan-pertubuhan belia pelbagai kaum berada di lapangan terbang sejak 7 pagi untuk mengalu-alukan Datuk Seri Dr Mahathir yang diiringi oleh isterinya Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah.

Pesawat jet eksekutif yang membawa rombongan Perdana Menteri mendarat di lapangan terbang kira-kira jam 9.15 pagi disambut dengan tepukan gemuruh dari ribuan rakyat

sambil melambai-lambai pesawat tersebut.

Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Nahar Shahabuddin dengan diiringi oleh Menteri Besar Perlis Datuk Haji Ali Ahmad menaiki pesawat itu menyambut Perdana Menteri dan ahli rombongannya.

Orang ramai yang penuh sesak melaungkan: "Hidup Mahathir! Hidup Mahathir! Hidup Mahathir!" sebaik saja Datuk Seri Dr. Mahathir melangkah keluar dari pesawat itu. Beberapa pemimpin MIC Kedah dan Perlis pula mengalu-alkan bunga malai kepada Datuk Seri Dr Mahathir diiringi dengan tepukan gemuruh dari orang ramai.

Pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional Kedah dan Per-

● LIHAT MUKA 3

PM terharu terima sambutan

● DARI MUKA 1

lis turut bersalaman dan berpelukan dengan Perdana Menteri yang terpaksa dikawal rapi dari dikerumuni oleh orang ramai yang berpusu-pusu.

Inilah perhimpunan yang terbesar dan bersejarah pernah diberikan kepada seorang Perdana Menteri yang melawat ke negeri ini.

Lebih 1,000 orang membawa potret Datuk Seri Dr. Mahathir yang bertulis 'Impianmu Harapan Kami'.

Selain itu terdapat juga yang bertulis 'Masa Depan Kami Di Tanganmu', 'Kami Menyokong Pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad,' dan 'Kami Berdiri Teguh Di Belakang Pucuk Pimpinan'.

Sebuah sependuk besar yang dipasang oleh Umno Negeri Kedah berbunyi: 'Che Det, Tiada Ganti Bagimu' terpacak megah mengalu-alukan ketibaan Perdana Menteri.

Beratus-ratus bas, teks dan lori disewa

khas membawa orang ramai dari segenap pelusuk negeri Kedah dan Perlis mengalu-alukan kedatangan Datuk Seri Dr Mahathir dan rombongan.

Antara ribuan penyokong itu termasuk 5,000 pemimpin dan ahli Umno Perlis yang diketuai oleh Menteri Besar Datuk Haji Ali Ahmad.

Enam belas bas dan 100 teks termasuk 40 dari Kuala Perlis disewa khas untuk membawa penyokong-penyokong Perlis ke lapangan terbang.

Harapan

Jurucakap rombongan itu berkata semua ahli exco negeri, ahli Dewan Undangan Negeri, ahli-ahli Parlimen dan ahli Dewan Negara negeri itu hadir di perhimpunan tersebut.

Ketua Pemuda Umno Kedah Encik Zakaria Said mengetuai rombongan 10,000 Pemuda Umno negeri di perhimpunan itu yang juga disertai oleh pemimpin-pemimpin Wanita Umno Kedah.

Pemimpin-pemimpin

parti komponen Barisan Nasional lain — MCA, MIC dan Gerakan turut berada di lapangan terbang mengalu-alukan lautan dua hari Datuk Seri Dr Mahathir ke Kedah.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar Datuk Haji Sanusi Junid, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Encik Anwar Ibrahim, Timbalan Menteri Luar Encik Abdul Kadir Sheikh Fadzir, dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Encik Radzi Tan Sri Sheikh Ahmad adalah di antara menteri-menteri kabinet yang hadir di perhimpunan itu.

Datuk Seri Dr Mahathir telah berucap dari tangga bergerak kira-kira setengah jam kepada orang ramai yang memberi tepukan serta laungan: 'Hidup Mahathir, hidup Mahathir dan kami mahu Mahathir' setiap kali beliau berhenti berucap.

Datuk Seri Dr Mahathir kelihatan terharu, tetapi gembira sambil melambai-lambai orang ramai sebelum dan sesudah berucap dari tangga bergerak itu.